

Baru



PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR

2016 - 2020

KANDUNGAN

- . KATA—KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH
- . RINGKASAN EKSEKUTIF
- . SEJARAH PENUBUHAN
- . CARTA ORGANISASI
- . FUNGSI & PERANAN
- . PUNCA KUASA
- . STAKEHOLDER & PELANGGAN
- . OBJEKTIF STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN
- . VISI, MISI, & MOTO
- . NILAI—NILAI BERSAMA
- . PETA STRATEGI
- . ELEMEN PENENTU KEJAYAAN
- . MEKANISME PELAKSANAAN
- . PENUTUP

Tuan Pegawai Daerah



Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas segala rahmat dan keizinanNya dapatlah kita meneruskan lagi Pelan Strategik PDHS 2016-2021 (Pengubalan 2015). Tahun 2015 merupakan tahun rangka Pelan Strategik PDHS untuk kita terus menggembelngkan segala sumber yang ada bagi menjayakan 6 strategi yang telah di bangunkan. Kekuatan dan kekurangan sepanjang tempoh 2009-2015 akan dijadikan asas untuk kita terus meningkatkan lagi prestasi bagi mencapai matlamatnya di tahun akan datang

Oleh itu , saya percaya semua kakitangan akan terus diransangkan untuk mencapai matlamat masing-masing dan matlamat jabatan. Dalam Proses tersebut, jalinan kerjasama dan komunikasi di kalangan pihak pengurusan dan semua kakitangan akan dapat di perkukuhkan. Sesungguhnya, sistem kerja yang mengutamakan prestasi yang tinggi, meliputi aspek kualiti, disiplin, komitmen mendalam, integriti dan akauntabiliti harus membudaya dalam organisasi. Dalam pengurusan sumber manusia pula “ punishment and reward “ perlu dilaksanakan.

Saya berharap dengan adanya perancangan Strategi ini dan Pelan tindakan serta KPI yang ditentukan, semua kakitangan komited dan akan terus berusaha menyumbangkan kepakaran masing-masing bagi kejayaan jabatan agar akhirnya jabatan menjadi ikon kebanggaan semua, yang berjaya membangunkan organisasi yang cemerlang.



RINGKASAN EKSEKUTIF

1. Kecemerlangan sesebuah organisasi bukanlah mudah tetapi dengan adanya perancangan yang betul akan dapat membantu organisasi tersebut dalam melaksanakan semua strategi baik dalam masa pendek, sederhana dan panjang. Pelan Tindakan Perancangan Strategik Pejabat Daerah & Tanah Hulu Selangor telah digubal untuk tempoh 6 tahun bermula daripada tahun 2016-2021, Selepas pelan strategik pertama yang telah di gubal sehingga tahun 2015. Pencapaian tersebut merupakan penandaras bagi perancangan tahun selanjutnya. Dengan wujudnya Pelan Tindakan yang sebegini rupa, jentera Pentadbiran dan Pengurusan Tanah, Pejabat Daerah & Tanah Hulu Selangor akan menjadi lebih fokus, sistematik dan terarah dalam memenuhi kehendak *Stakeholder'* dan pelanggan. Ini juga merupakan cabaran kepada Pejabat Daerah & Tanah Hulu Selangor untuk memperbaiki dan menambahbaik mutu perkhidmatan agar program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

2. Pengurusan Pejabat Daerah & Tanah Hulu Selangor telah menetapkan empat (4) perspektif utama dalam Pelaksanaan Tindakan Perancangan Strategik iaitu Perspektif Proses Dalaman, Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan, Perspektif Kewangan dan Perspektif Pelanggan (*output*).


3. Pelan Strtegik ini digubal secara kolektif dan berpasukan oleh semua Ketua Bahagian dan Ketua Unit meliputi Bahagian Tanah, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Khidmat Pengurusan berdasarkan pencapaian Pelan Strategik 2009-2015 yang telah diwujudkan pada tahun 2009. Ia juga menitik berakan Hala tuju negara ke arah wawasan 2020 yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahatir Bin Muhamad dalam Rancangan Malaysia Ke-6 pada tahun 1991.



SEJARAH DAERAH HULU SELANGOR

- Daerah Hulu Selangor mula wujud semasa permulaan pemerintahan Inggeris di Kuala Kubu Bharu iaitu pada 12 Mei 1883, selepas sembilan (9) tahun campur tangan British di Negeri Selangor. Peringkat awalnya pentadbiran daerah Hulu Selangor dikenali dengan "***Collector Land Revenue and Magistret of Ulu Selangor***"
- Kini pentadbiran Daerah Hulu Selangor diterajui oleh Pegawai Daerah dengan dibantu oleh tiga (3) Ketua Penolong Pegawai Daerah bagi Perkhidmatan Teras 3 bahagian iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pengurusan Tanah. Keseluruhan pegawai dan kakitangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor pada ketika ini adalah seramai 170 orang daripada 188 perjawatan yang diluluskan.
- Bagi menguruskan Pentadbiran Pejabat Daerah Hulu Selangor, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM8 juta setahun untuk Belanja Mengurus. Kutipan Hasil tahunan semasa pula adalah sebanyak RM23 juta dan tunggakan sebanyak RM13 juta.

CARTA ORGANISASI PDHS



Carta Fungsi Utama Bahagian Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor

PEGAWAI DAERAH

Merancang, Mengurus, Memantau Dan Menyelia Aktiviti Bahagian
Khidmat Pengurusan, Pembangunan, Pengurusan Tanah dan
Perundangan Jabatan

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Member perkhidmatan yang terbaik kepada warga kerja Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor melalui pengurusan berkualiti yang lebih efektif, efisien dan mesra pelanggan
- Menyelaraskan, mengatur dan melaksanakan program-program berbentuk sambutan keraihan dan majlis-majlis rasmi kerajaan Negeri dan Persekutuan di peringkat Daerah, mukim dan kampung
- Bertindak sebagai Urusetia Keselamatan Daerah, pengurusan bencana, gejala sosial penyakit berjangkit dan pemulihan gejala dadah di daerah
- Memberikan perkhidmatan ICT ke arah merealisasikan Program Kerajaan Elektronik


BAHAGIAN PEMBANGUNAN

- Merancang dan melaksanakan aspek-aspek teknikal projek-projek Pejabat Daerah
- Merancang dan menyelaraskan perancangan Pembangunan Fizikal Daerah
- Menyediakan projek-projek pembangunan mesra rakyat, membantu meningkatkan ekonomi rakyat dengan adanya IKS (Industri Kecil dan Sederhana)
- Bantuan rumah rakyat termiskin
- Perlantikan dan penamatan ketua-ketua Kampung Tradisi dan kampung Baru Cina
- Menyelia dan menyelaraskan Pelan Tindakan Pembangunan Kampung-Kampung di Daerah
- Mengurus dan menyelia segala urusan berkaitan JKKK melalui penghulu-penghulu mukim

BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

- Merancang dan mengurus pembangunan-pembangunan tanah di Daerah Hulu Selangor selaras dengan matlamat Kerajaan berasaskan Peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 dan Pekeliling-pekeling
- Menjalankan dan melaksanakan penguatkuasaan sebagaimana peruntukan Kanun Tanah Negara
- Mengawasi dan menyelenggara suratsuratan hakmilik dan dokumen yang berkaitan dengan urusan – urusan pendaftaran
- Melaksanakan sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan mengurangkan Birokrasi
- Mewujudkan dan melaksanakan sistem pendaftaran hakmilik tanah yang cekap dan berkesan untuk muhibah serta kemesraan
- Mengutip segala jenis terimaan wang awam Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan dan deposit daripada pihak awam dengan cekap dan berakuntabiliti

PUNCA KUASA



STAKEHOLDERS & PELANGGAN

STAKEHOLDERS

- DATO' MENTERI BESAR
- SUK
- EXCO
- AHLI PARLIMEN
- ADUN



PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR



PELANGGAN

- ORANG AWAM
- PENDUDUK DAERAH HULU SELANGOR
- AGENSI KERAJAAN & SWASTA
- PEMAJU
- PEMILIK TANAH
- PELANCONG
- NGO
- PENIAGA

ANALISA PERSEKITARAN DAN CABARAN SEMASA



Visi

- Tadbir urus Daerah yang Produktif, Efisyen, Efektif dan Sejahtera

Misi

- Menzahirkan kehidupan komuniti yang seimbang berlandaskan teras ketuhanan, keinsanan dan persekitaran ideal

Moto

- Baik
 - B- Berdisiplin
 - A- Akuantabiliti
 - I- Integriti
 - K- Kerja Berpasukan

BERDISIPLIN

- Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang peraturan, prinsip dan nilai – nilai murni
- Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyelian yang rapi dan
- Sentiasa menjaga imej diri organisasi perkhidmatan dan negara di kaca mata masyarakat

AKAUNTABILITI

- Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan


INTERGRITI

- Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur dan saksamam. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh

KERJA BERPASUKAN

- Mempunyai semangat kekitaan, berkerjasama, bertolak ansur, dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi misi organisasi

OBJEKTIF STRATEGIK



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

OBJEKTIF STRATEGIK 1:

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memantapkan Pengurusan Organisasi	Memperkukuhkan Pelan Strategik	1. Kajian Semula Pelan Strategik	1. Minimum 2 tahun sekali
	Meningkatkan Program Kualiti	Pengauditan MS ISO 9001-2008	Dikekalkan Persijilan pada setiap tahun
		Program 5S	
	Mempertingkatkan Budaya Inovatif & Kreatif untuk mengurangkan karenah birokrasi & penambahbaikan proses kerja	Kajian & Analisis Proses Kerja	Minimum setahun sekali bagi setiap bahagian/unit
		Kajian Kepuasan Pekerja	Tahap kepuasan melebihi 80% setiap tahun

OBJEKTIF STRATEGIK 1:

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memantapkan Pengurusan Kewangan	Meningkatkan keberkesanan pembayaran bil	Tempoh bayaran bil dalam 7 hari dan 14 hari	Melebihi 80% dalam 14 hari dan 70% dalam 7 hari (setiap tahun)
	Mematuhi syarat keperluan mesyuarat JPKA dan JKPAK	Bilangan mesyuarat setahun	4 kali setahun
	Bekerjasama dengan audit (integriti)	Maklumbalas audit	Maklumbalas diberikan dalam tempoh yang ditetapkan
	Mengamalkan penjimatan tanpa menjejaskan prestasi perbelanjaan	Prestasi perbelanjaan	Kempen penjimatan sepanjang masa dan prestasi perbelanjaan melebihi 95% ke atas

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia dan Modal Insan	Melaksanakan Mesyuarat Panel PSM	Bilangan Mesyuarat PSM	4 kali setahun
	Memperkuhkan Pelan Strategik Sumber Manusia	Kajian Semula Pelan Strategik Sumber Manusia	Minimum sekali dalam setahun
	Merancang Pelaksanaan Pelan Penggantian	Program Mentor Mentee unjuran penjawatan	Minimum 2 program dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun
	Melaksanakan Program pengiktirafan dan penghargaan	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Darjah/Bintang Kebesaran	1. 8% daripada bilangan kakitangan setahun 2. Mesyuarat setahun sekali
		Anugerah Pekerja Contoh Bulanan	Mesyuarat dua bulan sekali
	Program Mengukuhkan Nilai & Etika	Program berbentuk keagamaan/ perhimpunan pagi	Minimum sebulan sekali
	Program bagi kakitangan yang berprestasi rendah	LNPT	% LNPT meningkat dari tahun sebelumnya
	Program Kaunseling /Motivasi/Team Building	Kursus	Minimum sekali dalam setahun
	Pengurusan Maklumat PSM	% Pengemaskinian Sistem HRMIS	Melebihi 90% bagi semua maklumat

OBJEKTIF STRATEGIK 1:

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memperkasa & Mengoptimalkan Pengurusan ICT	Membangunkan sistem yang mesra jaringan kepada organisasi	1. Berdasarkan perancangan agensi melalui SKT Tahunan	1. Mengadakan satu sistem dalam tempoh 2 tahun
	Mengoptimalkan penggunaan laman web bagi segala urusan secara online	Bilangan mesyuarat jawatankuasa tadbir urus laman web	Minimum 2 kali setahun
	Menyertai pertandingan online servis <i>assessment</i> dan Malaysia Portals dan website(MDEC)	Penarafan bintang melalui MDEC	Maksimum 5 bintang

OBJEKTIF STRATEGIK 1:

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memantapkan Pengurusan Pelanggan & Mempertingkatkan Imej Jabatan pada perspektif pelanggan	Memantau Pencapaian Piagam Pelanggan	Berdasarkan Piagam Pelanggan	Minimum Pencapaian 90% pada setiap tahun
	Melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan	Berdasarkan Kajian Kepuasan Pelanggan	Minimum 80% kepuasan pelanggan dalam setahun

OBJEKTIF STRATEGIK 1:

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI SERTA MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Meningkatkan penghayatan nilai, etika dan integriti	Melaksanakan kursus kesedaran integriti secara berterusan	Pengurangan aduan pelanggan berkaitan nilai, etika dan integriti	Tidak melebihi 3 aduan pelanggan berkaitan nilai, etika dan integriti setiap tahun
	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) mengikut tempoh (3 kali setahun)	Pengurangan kes-kes tatatertib	Tidak melebihi 3 kes setiap tahun

BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

OBJEKTIF STRATEGIK 4:

MEMAKSIMAKAN KUTIPAN HASIL TANAH

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memperkaya aktiviti kutipan hasil bersifat mesra rakyat	<ul style="list-style-type: none">a) Mempelbagaikan kaedah & saluran pembayaran hasilb) Meningkatkan aktiviti kaunter luar hasil	<ul style="list-style-type: none">a) Jumlah kutipan semasa dan tunggakan hasilb) Jumlah aktiviti	<ul style="list-style-type: none">a) Mencapai jumlah kutipan semasa 85% daripada jumlah semasa & 35% daripada jumlah baki tunggakan (setiap tahun)b) 12 aktiviti dalam setahun
Meminimakan jumlah tunggakan cukai tanah	<ul style="list-style-type: none">a) Mengenalpasti hakmilik bermasalahb) Aktiviti pemutihan data & rekod	Jumlah baki tunggakan	Penurunan sebanyak RM 2 juta setiap tahun
Meningkatkan kefahaman orang awam berkaitan cukai tanah	<ul style="list-style-type: none">a) Aktiviti turun padangb) Ops ketuk pintuc) Memasang kain rentang & banting berkaitan cukai tanah	<ul style="list-style-type: none">a) Jumlah aktivitib) Jumlah banting & kain rentang	<ul style="list-style-type: none">a) 6 kali setahunb) 12 kali setahunc) 2 unit bagi satu mukim / kawasan

OBJEKTIF STRATEGIK 4:

PEMANTAPAN PENGURUSAN TANAH

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Mempercepatkan proses urusan permohonan pembangunan tanah	Memperkemaskan sistem proses dan prosedur pengurusan untuk urusan pembangunan.	Tempoh masa proses dipendekkan.	Setiap permohonan diproses daripada tarikh terima permohonan yang lengkap dalam tempoh: 3 bulan – 6 minggu
Mengurangkan bilangan tunggakan permohonan pelupusan tanah	1) Mesyuarat pemantauan tunggakan fail secara berkala. 2) Mesyuarat jawatankuasa teknikal dalaman dan luaran. 3) Melaksana dasar-dasar kerajaan Negeri ke atas permohonan tanah.	Pengurangan permohonan yang tertunggak	Pengurangan 35% tunggakan setiap tahun sehingga tiada permohonan tertunggak

OBJEKTIF STRATEGIK 4:

PEMANTAPAN PENGURUSAN TANAH

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memproses permohonan tanah semasa	Memproses permohonan tanah mengikut tempoh masa ditetapkan	Mematuhi piagam pelanggan	Proses permohonan tanah diproses dalam tempoh 4 bulan seperti ketetapan

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memastikan proses pendaftaran bagi Urusniaga dan Bukan Urusniaga adalah lengkap dan teratur	<p>Mewujudkan perkhidmatan yang mesra pelanggan</p> <p>Mewujudkan kemudahan kaunter yang sistematik</p> <p>Memberi latihan kepada pegawai di kaunter.</p> <p>Menyediakan senarai semak</p>	Tempoh masa pendaftaran bagi Urusniaga dan Bukan Urusniaga	Perserahan yang lengkap dan teratur dapat diselesaikan dalam tempoh 7 hari bekerja. PMT dalam tempoh 1 hari bekerja.
Memendekkan tempoh kelulusan Permohonan Kebenaran Pindahmilik Tanah / Kebenaran Menggadai/ Mencagar/ Memajak (Kelulusan Pentadbir Tanah)	Menggalakkan Stakeholder membuat permohonan secara online menggunakan sistem e-consent	Tempoh Kelulusan Permohonan Kebenaran Pindahmilik Tanah / Kebenaran Menggadai/ Mencagar/ Memajak (Kelulusan Pentadbir Tanah)	Mempercepatkan kelulusan dalam tempoh 7 Hari Bekerja
Mengurangkan tunggakan pendaftaran QTFT	Mewujudkan taskforce untuk urusan QTFT	Jumlah tunggakan	Meminimalkan tunggakan

OBJEKTIF STRATEGIK 4
MEMAKSIMAKAN SUMBER HASIL NEGERI

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
1) Pemantapan penguatkuasaan perlanggaran syarat tanah	Bancian dan pengeluaran Notis 7A – 8A Sesi penerangan menggalakkan tukar syarat	Jumlah notis Pra rundingan	Pengurangan kes perlanggaran syarat
2) Ketirisan hasil royalti bahan batuan	Pemantauan pengeluaran bahan batuan	Kawalan dan pemantauan	Mengurangkan ketirisan

BAHAGIAN PLB

OBJEKTIF STRATEGIK 5:

MENGGIATKAN PEMBANGUNAN BANDAR DAN DESA SERTA PENGUKUHAN SOSIOEKONOMI SECARA HOLISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

STRATEGI	TINDAKAN / PROGRAM	INDIKATOR	INDIKATOR SASARAN
Memantapkan pembangunan Daerah	Penetapan matlamat berdasarkan konsep 'SMART Selangor Yang Dipeduli' a) mengumpul, menganalisa dan mengemaskini data b) Penyelarasan antara jabatan	a) Profil daerah yang lengkap b) Mesyuarat JKTD	a) Tahun 2017 dan dikemaskini setiap tahun b) 6 kali setahun
Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur awam	Mengenalpasti dan melaksanakan projek pembangunan berkualiti	Penggunaan peruntukan secara optimum mengikut spesifikasi kerja dan memenuhi kehendak 'stakeholder' dan pelanggan	Mengikut keperluan dan kelulusan peruntukan Kerajaan Negeri
Memperkukuhkan sosioekonomi masyarakat bandar dan luar bandar berkonsepkan Kerajaan Prihatin	1. Menyampaikan maklumat & dasar Kerajaan Negeri berdasarkan konsep 'Rakyat Dipeduli' 2. Melaksanakan program kemasyarakatan	1. Peningkatan penerima bantuan kerajaan negeri melalui program MES 2. Program kerajaan negeri, daerah, mukim dan kampung	1. Penyerahan bantuan yang sesuai kepada pemohon yang layak 2. 5 kali setahun

Peta Strategi (Strategy Map) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Terdapat 19 tindakan dalam peta strategi, dan tiap tindakan merupakan strategi yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini.

Pencapaian strategi dan objektif strategik ini perlu diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Proses Dalam dan Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.

1. PROSES DALAMAN

- P1 – Memperkasakan Tadbir Urus.**
- P2 – Mempertingkatkan Keberkesanan Penguatkuasaan.**
- P3 – Memantapkan sistem Dan Prosedur Kerja.**
- P4 – Mempertingkatkan Kecekapan Pentadbiran Tanah.**
- P5 – Memantapkan Hala Tuju Pembangunan Daerah.**
- P6 – Memperkasakan Pembangunan Tanah.**

3. KEWANGAN

- F1 – Memantapkan Pengurusan Kewangan.**
- F2 – Memperkukuhkan Pembangunan Sosio Ekonomi.**
- F3 – Memantapkan Keupayaan Kutipan Hasil.**

2. PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

- L1 – Memantapkan Pembangunan Organisasi**
- L2 – Menetapkan hala Tuju Strategik Pengurusan Sumber Manusia.**
- L3 – Mewujudkan Persekitaran Kerja Yang Kondusif.**
- L4 – Mempertingkatkan Dan Memperkasakan Imej Organisasi.**
- L5 – Memantapkan Jaringan Kerjasama Dengan Pihak-Pihak Berkepentingan.**

4. PELANGGAN

- C1 – Mempertingkatkan Kemudahan Dan Insfrastruktur Awam.**
- C2 – Membangunkan Masyarakat Yang Sihat Fizikal, Mental Dan Spritual.**
- C3 – Mempertingkatkan Agenda Perpaduan Masyarakat.**
- C4 – Memperkukuhkan Pengurusan Aset Dan Fasiliti Awam.**
- C5 – Memperkukuhkan Jalinan Dan Penyertaan Komuniti Dalam Aktiviti Dan Program PDT.**

ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Bagi menentukan falsafah kejayaan, Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor menggariskan beberapa elemen yang akan dilaksanakan, antaranya :

Pembangunan Insan Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran transformasi sumber manusia PDTHS melalui program pembanguna kompetensi yang sesuai dalam bidang - bidang kritikal dan strategik. Ini termasuk perancangan strategik, pengurusan tanah, perancangan dan pengurusan ICT serta pengurusan prestasi. Pendekatan *mentor mentee*, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan imej PDTHS. Membentuk sistem penyampaian Perkhidmatan Jabatan yang mesra pelanggan, budaya interaksi berhemah – beridentiti dan berdaya tahan dengan membentuk organisasi jabatan supaya lebih berkreaitif, dinamik dan gembeling semangat bekerjasama bagi menjamin kemampunan warga jabatan.

Kapasiti Organisasi Kapasiti organisasi PDTHS akan diperkukuhkan agar dapat melaksanakan bidang focus baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksible seperti kerja berpasukan, matriks dan berasaskan projek. **Pengurusan Ilmu** Pengurusan Ilmu dikendali secara langsung dan tidak langsung oleh Tuan Pegawai Daerah dan Pegawai-pegawai Kanan pada setiap hari Khamis. Di samping terdapatnya Pengendalian kursus dalaman dan luaran jabatan secara menyeluruh melibatkan semua kakitangan jabatan. Oleh itu percambahan ilmu dan maklumat dapat dimanfaatkan oleh semua kakitangan. Memastikan setiap anggota / kakitangan sentiasa siap-sedia untuk menghadapi cabaran - cabaran baru, bersedia untuk berubah, mencari dan bertindak terhadap peluang yang ada dan memperbaiki serta menambahbaik cara melaksanakan tugas ke arah pembaharuan.

MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di Pejabat daerah Tanha Hulu Selangor memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh lima (5) tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat Kajian semula mengikut perancangan seperti di Jadual 1. Penilaian pencapaian Pelan Strategi ini akan dijalankan pada setiap tahun. Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategidan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian Semuala Pelan Strategi dan Kajian Keberkesanan akan dibuat pada tahun 2019. Kajian tersebut akan turut mengambil kira perubahan keadaan persekitaran dari segi ekonomi, politik dan social daerah Hulu Selangor.

Jadual 1: Jadual Perancangan

BIL	PERKARA	TEMPOH
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategi	Setiap tahun
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap tahun
3.	Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategi	2019

PENUTUP

Pelan Strategik Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor 2015-2020 ini dibentuk bagi memantapkan hala tuju Pejabat Daerah / Tanah Hulu Selangor melangkah ke hadapan dan secara tidak langsung ia membantu memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti.

Justeru itu semua warga kerja perlu berkerjasama sabagai satu pasukan bagi memastikan tercapainya matlamat visi ,misi jabatan yang telah ditetapkan. Dengan terbentuknya pelan ini, diharap ia akan juga membentuk satu organisasi yang cekap, telus dan mesra. Penilaian dan pemantauan akan dibuat secara berkala bagi memastikan tahap keberkesanan pelaksanaan strategi dan tindakan yang telah digariskan